

Aktif sukan pelaburan kesihatan

KUALA LUMPUR: Rakyat perlu memberi perhatian serius dari mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan sukan kerana ia pelaburan paling baik untuk kesihatan pada masa hadapan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, pembabitan aktif dalam sukan adalah tiket mendapatkan kesihatan dan menggerakkan daya fikir yang baik sekaligus meningkatkan produktiviti.

"Kita bukan saja mahu negara kita maju dari segi ekonomi, tetapi mahu rakyat bahagia dan sihat.

"Kebahagiaan tidak akan datang tanpa badan yang sihat. Justeru, menjadi kewajipan kita turut memberi perhatian kepada aspek kesihatan selain sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan dan pelbagai aspek lain yang berkaitan pekerjaan kita," katanya.

Beliau berucap pada pembukaan Sukan Tahunan ke-32 Kementerian Kewangan di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini, semalam.

Abdullah berkata, kesihatan yang baik adalah satu daripada tiga faktor yang dirangka kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan modal insan.

"Dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan, kerajaan membangunkan pelbagai institusi pendidikan untuk menimba ilmu.

"Mereka yang bekerja juga perlu terus menambahkan ilmu pengetahuan supaya dapat menjalankan kerja dengan lebih baik" katanya.

Selain itu, Abdullah berkata yat juga perlu menjaga kesuatan supaya tidak mudah terkena penyakit dengan mengamalkan gaya hidup sihat yang dapat dilakukan dengan kegiatan senaman dan latihan gerak badan lain.